

**SUKATAN PEPERIKSAAN KHAS KENAikan PANGKAT SECARA LANTIKAN (KPSL) KE SKIM
PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI UNDANG-UNDANG GRED L29
PEJABAT KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA (PKPMP)**

1. Tarikh Sukatan : 18 April 2016
Peperiksaan berkuatkuasa

2. Matlamat Sukatan : Matlamat Peperiksaan khas ini adalah:-
 - i) Untuk mengukur kesesuaian seseorang pegawai dari segi potensinya untuk menjawat jawatan dalam Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Undang-Undang Gred L29; dan
 - ii) Untuk menguji kemahiran seseorang pegawai berdasarkan kepada pengalaman dalam tugas-tugas harian.

3. Tujuan Peperiksaan : Untuk memenuhi sebahagian daripada syarat kelayakan ke Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Undang-Undang Gred L29 melalui urusan Kenaikan Pangkat Secara Lantikan.

4. Pegawai Yang Layak Mengambil Peperiksaan ini : Jurubahasa dan Pembantu Tadbir Undang-Undang Gred L17 yang telah disahkan dalam perkhidmatan

5. Kandungan Sukatan Peperiksaan Khas : Calon-calon akan diuji berdasarkan Undang-Undang dan Peraturan-Peraturan yang ada.

Soalan-soalan yang dikemukakan akan lebih menitikberatkan kepada:

- i) Menguji kemahiran calon menggunakan Undang-Undang dan Peraturan dalam melaksanakan tugas-tugas harian;
- ii) Meneliti, menilai dan menyelesaikan masalah melalui pengkajian kes sebenar atau kes yang direka; dan
- iii) Memberi pendapat serta mengemukakan hujah-hujah berdasarkan peruntukan Undang-Undang yang sedia ada bagi menyokong sesuatu pendirian.

Semua soalan yang dikemukakan akan menguji kemahiran seseorang berdasarkan kepada pengalaman kerja di Mahkamah.

6. Sukatan Peperiksaan Khas (termasuk masa dan soalan)

BAHAGIAN 1 : **HAL-HAL PERUNDANGAN**

Soalan yang akan ditanya kepada calon-calon adalah berdasarkan kepada Hal-Hal Perundangan adalah seperti yang berikut:

- a) Perlembagaan
- b) Sistem Mahkamah
- c) Jenayah
- d) Sivil

Jumlah Soalan : Tujuh (7) soalan

Jawab lima (5) soalan daripada tujuh (7) soalan

Jawapan dalam bentuk essei

Masa : 3 jam

Calon-calon adalah dibenarkan merujuk kepada Akta dan Undang-Undang yang berkaitan.

BAHAGIAN II : **HAL-HAL PERUNDANGAN JABATAN**

Soalan yang akan ditanya kepada calon-calon adalah berdasarkan kepada perkara-perkara Perundangan bagi Jabatan adalah seperti berikut

- a) Mahkamah
 - i) Tatacara Sivil
 - ii) Tatacara Jenayah
- b) Jabatan Bantuan Guaman
- c) Jabatan Insolvency Malaysia
 - i) Penggulangan Syarikat
 - ii) Kebankrapan

Jumlah Soalan : Sembilan (9) Soalan yang terdiri daripada 3 Seksyen iaitu Seksyen A, Seksyen B dan Seksyen C

Jawab lima (5) soalan iaitu satu (1) soalan daripada setiap seksyen dan dua (2) soalan lagi pilih daripada mana-mana seksyen

Jawapan dalam bentuk essei

Masa : 3 jam

Calon-calon adalah dibenarkan merujuk kepada Akta dan Undang-Undang yang berkaitan.

7. Keputusan : Lulus atau Kandas

8. Pemeriksa Peperiksaan : **Bahagian I dan Bahagian II**

Pemeriksa Peperiksaan Khas KPSL ke Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Undang-Undang Gred L29 bagi Jurubahasa Gred L17 dan Pembantu Tadbir Undang-undang Gred L17. Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia yang telah dilantik

9. Bahasa : Bahasa Melayu (Soalan dan Jawapan)
10. Permohonan : Dikemukakan kepada :
Urusetia Peperiksaan
Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
11. Pusat Peperiksaan : Ditetapkan oleh :
Urusetia Peperiksaan
Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
12. Kekerapan Peperiksaan : Sekali setahun
13. Tarikh Akhir Permohonan : Satu bulan setengah sebelum tarikh Peperiksaan

PINDAAN

BAHAN-BAHAN RUJUKAN YANG DIBENARKAN UNTUK DIBAWA KE DEWAN PEPERIKSAAN

1. Perlembagaan Persekutuan
2. Akta Mahkamah Kehakiman 1064 (disemak 1972) (Akta 91)
3. Akta Mahkamah Rendah 1948 (disemak 1972) (Akta 92)
4. Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012
5. Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593)
6. Akta Probate dan Pentadbiran 1959 (disemak 1972) (Akta 97)
7. Akta Kebankrapan 1967
(Akta 360) serta Kaedah-kaedah dibawahnya
8. Akta Syarikat 1965 (disemak 1973) (Akta 125)
dan peraturan-peraturan serta kaedah-kaedah dibawahnya.
9. Kaedah-Kaedah Penggulangan Syarikat
10. Kanun Keseksaan (Akta 574)
11. Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593)
12. Akta Bantuan Guaman 1971 (Akta 26)
13. Akta Undang-Undang Sivil 1956 (disemak 1972) (Akta 67)
14. Akta Had Masa 1953 (Akta 254)
15. Akta Prosiding Kerajaan 1956 (Akta 359)
16. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 (Akta 198)
17. Akta Kontrak Kerajaan 1949 (Akta 120)
18. Akta Keterangan 1950 (Akta 56)
19. Akta Kontrak 1950 (Akta 136)
20. Kaedah-Kaedah Mahkamah Rayuan 1994
21. Kaedah-Kaedah Mahkamah Persekutuan 1995